

Gandakan ibadah pada 10 malam terakhir



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Sepuluh malam akhir Ramadan adalah saat yang sangat dinanti-nantikan seluruh orang mukmin. Padanya dijanjikan kehadiran malam Al-Qadar iaitu satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami menurunkan (al-Quran) ini pada malam lailatul qadar, dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam lailatul qadar itu? Malam lailatul qadar lebih baik

daripada seribu bulan. Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut). Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!" (Surah Al-Qadr, ayat 1-5)

Sebagaimana yang kita maklum, bulan Ramadan sangat sinonim dengan dua peristiwa iaitu penurunan al-Quran dan lailatul qadar.

Kesan dua peristiwa itu sangat besar dalam kehidupan seorang Muslim. Lailatul qadar bukan satu malam penantian tetapi malam pencarian dan pemburuan.

Teramatlah rugi bagi seorang Muslim tidak

berusaha untuk bertemu, seterusnya beribadat pada lailatul qadar.

Keistimewaan lailatul qadar boleh dilihat melalui kesungguhan Rasulullah SAW beribadat pada 10 malam terakhir sebagaimana diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dalam hadis bermaksud: "Apabila masuk 10 terakhir bulan Ramadan, maka Nabi menghidupkan malam, mengejutkan isterinya dan mengetatkan kainnya (tidak menyetubuhi isterinya) kerana amat sibuk dengan ibadah yang khusus."

Secara umumnya, tarikh lailatul qadar tidak dinyatakan secara terperinci melainkan diketahui secara umum ia jatuh pada 10 malam

terakhir Ramadan.

Menurut Syeikh Dr Yusoff Al-Qardhawi, hal itu adalah untuk menggesa umat Islam berusaha gigih untuk mencari keberkatan malam berkenaan.

Dalam memburu malam lailatul qadar, kita seharusnya berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana tiada jaminan untuk kita bertemu Ramadan tahun hadapan.

Marilah kita mengambil perhatian terhadap perkara berikut dalam kita menghadapi 10 malam terakhir ini:

● Beriktikaf

Ini antara amalan dilakukan Rasulullah SAW. Sekiranya tidak berkemampuan untuk 10 malam, maka bolehlah

iktikaf sebanyak yang mungkin atau sekurang-kurangnya niat iktikaf setiap kali atau setiap waktu masuk ke masjid untuk mendapatkan pahala beriktikaf di dalam masjid.

● Beribadat sepanjang 10 malam

Cuba sedaya upaya untuk melakukan ibadah pada setiap malam bermula dari Maghrib sehingga Subuh.

● Memperbanyakkan bacaan doa

Contoh doa diajarkan Rasulullah SAW, "Allahumma innaka 'afuwun tuhibbul 'afwa fa'fu 'anni" bermaksud: "Ya Allah Engkau adalah Maha Pengampun dan Engkau suka pengampunan maka ampunkanlah aku."

● Melakukan amal

kebijaksanaan

Ini termasuk amalan sedekah kerana bersedekah pada malam Al-Qadar boleh diibaratkan kita bersedekah selama 1,000 bulan.

● Makan secara sederhana

Disebabkan kita akan berjaga sehingga waktu Subuh, kurangkan makan bagi membolehkan kita berjaga dan menjadi lebih produktif.

● Jangan suka membuang masa

Elakkan daripada membuat kerja yang sia-sia.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)